

SPDP Mahu Wakil Dalam Kabinet Persekutuan
Bernama
23Feb 2014

KUCHING, 23 Feb (Bernama) -- Pilihan Raya Umum ke-13 sudah hampir sembilan bulan berlalu, dan kini Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) mahu kuotanya dalam Kabinet Persekutuan diisi secepat mungkin.

Presiden SPDP Tan Sri William Mawan Ikom berkata, pihaknya akan mengaturkan pertemuan dengan Perdana Menteri bagi membincang lanjut perkara itu.

"Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak sendiri ada memberitahu saya bahawa beliau akan melantik seorang daripada Ahli Parlimen kita untuk menganggotai kabinetnya.

"Itulah sebabnya kita tidak terlalu mendesak Perdana Menteri. Kami menyerah kepada beliau (Perdana Menteri) untuk membuat keputusan," katanya pada sidang media selepas mesyuarat tiga jam Majlis Tertinggi parti itu di ibu pejabatnya di sini, Ahad.

Pada PRU13 Mei tahun lalu, SPDP mengekalkan kesemua empat kerusi Parlimen yang dipertandingkannya.

Kerusi itu dimenangi oleh Mawan (Saratok), Datuk Seri Tiong King Sing (Bintulu), Anthony Nogeh Gumbek (Mas Gading) dan Anyi Ngau (Baram).

Sebelum PRU13 SPDP mempunyai dua timbalan menteri dalam Kabinet Persekutuan.

Bulan lepas Tiong dilantik sebagai duta khas berstatus menteri ke Asia Timur.

Sementara itu, Mawan turut menafikan adanya sebarang perbincangan antara pemimpin SPDP dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) berhubung cadangan penggabungan dua parti komponen Barisan Nasional (BN) itu.

Beliau bagaimanapun berkata SPDP sentiasa terbuka terhadap sebarang inisiatif dan rundingan sekiranya ia memberi kebaikan kepada BN.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1016788>